

## PANDUAN PTJ UNTUK MUATNAIK DANA KE SISTEM GIVE2UKM

1. Dapatkan kelulusan peringkat PTj (Pengurusan) yang memperincikan maklumat berikut:

- a. Objektif/matlamat yang ingin dicapai oleh Dana
- b. Jumlah dana yang diperlukan
- c. Perincian unjuran perbelanjaan/kegunaan dana
- d. Jangkamasa projek; termasuk carta perbatuan
- e. Jangkamasa pengumpulan dana (maksima setahun)
- f. Aktiviti pendanaan juga hendaklah mendapatkan kelulusan/penilaian dari pelulus berikut:

Kategori	PTj Penyelaras / Pelulus	Kaveat
Projek Komuniti / Khidmat Masyarakat	UCTC / TNC (HEJIM)	Pengesahan. permohonan yang telah disahkan perlu dimajukan kepada YC untuk proses kelulusan oleh Pengurusan Tertinggi yang berkenaan
Hal-ehwal Pelajar (Prasiswazah)	PPMPA / TNC (HEPA)	
Hal-ehwal Pelajar (Pasca siswazah)	Pusat Siswazah / TNC (HEPA)	
Mobiliti Berkredit	UKM Global / TNC (HEAA)	
Mobiliti Tidak Berkredit	PPMPA / TNC (HEPA)	
Sukan	Pusat Sukan / TNC (HEPA)	
Penyelidikan	CRIM / TNC (HEPI)	
Prasarana dan Ruang	Khazanah / Pro-NC (Penjanaan dan Prasarana)	
Kebolehpasaran Graduan	UKM Karier / TNC (HEJIM)	
Pengajaran & Pembelajaran	PPTP / TNC (HEAA)	
Persatuan Staf UKM	Persatuan / Pendaftar UKM	
Lain-lain (merujuk kepada projek yang tidak memenuhi mana-mana kategori khusus di atas)	Tertakluk kepada PTj dan portfolio yang bersesuaian	

2. Setiap dana yang bernilai lebih daripada RM500,000.00 atau mempunyai impak atas jenama UKM, perlu mendapatkan kelulusan/pemakluman MPU/LPU terlebih dahulu. Kesemua jenis dana (kecil atau besar) perlu dimaklumkan kepada YC bagi tujuan pelaporan dan rekod.
3. Jika pengumpulan adalah bagi projek pelajar dan mempunyai kelulusan peringkat PTj/Fakulti, ianya memerlukan surat kelulusan dari Pusat Siswa/PPMPA dan ketua program fakulti terlibat.
4. Satu set penuh kolateral pemasaran yang mempunyai nilai pemasaran baik. Urusetia sistem memerlukan set kolateral seperti berikut:
  - a. Enam (6) Gambar dalam format jpg/png ber-resolusi tinggi yang menggambarkan objektif dana. Gambar tidak boleh di ambil dari pihak ketiga atau laman sesawang atas talian bukan hakmilik PTj/UKM.
  - b. Opsyen satu (1) video yang memberikan penerangan berkenaan projek pendanaan. Video hendaklah mempunyai resolusi tinggi 1080p bagi mengekalkan kualiti laman sesawang Give2ukm.
  - c. Maklumat dana terperinci termasuk brosur/borang/maklumat yang boleh dimuatnaik untuk kegunaan/perhatian penyumbang. Maklumat yang diberi hendaklah mengandungi penceritaan dana;
    - i. Kenyataan permasalahan – masalah yang dihadapi sehingga tercetusnya ide penyelesaian. Termasuk masalah pengumpulan dana dan mengapa perlu bantuan penyumbang. Permasalahan hendaklah mendalam, menyentuh hati, mempunyai makna/nilai kepada kumpulan sasaran penyumbang dan tidak terlalu cetek dari segi keperluan.
    - ii. Kenyataan jangkahayat – Faedah dan nilai (dari segi nilai RM/emosi/mental/fizikal) yang akan diterima/nikmati oleh masyarakat/pelajar/staf penerima projek/dana ini. Juga jangkahayat bantuan tersebut supaya penyumbang dapat membayangkan jangkauan sumbangan mereka.

5. Setiap jenis dana **TIDAK SEMESTINYA DIMUATNAIK** ke dalam laman sesawang Give2UKM. Pihak YC berhak menyemak dan menentukan kedudukan/kepentingan dana di dalam laman sesawang tersebut. Penentuan adalah berdasarkan;
  - a. Kepentingan dana tersebut pada Universiti di waktu cadangan (sistem hanya memaparkan 6 tabung terpenting pada sesuatu masa). Kepentingan akan dipertimbangkan seperti berikut:
    - i. Peringkat dan tahap dana; cth, Pelajar/Fakulti atau PTj/mesyuarat pengurusan PTj berbanding dengan PTj/MPU atau PTj/LPU.
    - ii. Kesesuaian dana untuk dipaparkan.
    - iii. Jangkamasa pengumpulan. Jika dana mempunyai jangkamasa pengumpulan yang melebihi satu tahun atau selamanya, ianya akan diletakkan di dalam bahagian lain-lain.
    - iv. Kualiti dan jenis dana yang mempunyai impak (meningkatkan nilai jenama UKM/PTj/Staf/Pelajar).
6. Nilai sasaran pengumpulan **WAJIB** diletakkan. Tarikh mula dan tamat pengumpulan juga perlu diletakkan.
7. Pihak YC berhak menggantung atau mengeluarkan maklumat dana untuk siasatan lanjut jika terdapat kesalahan/kesilapan maklumat atau menerima maklumbalas negatif daripada penyumbang.